

Misi & Visi ANULAE MBPG

MISI

ANULAE sebagai Kesatuan Sekerja Unggul Bagi Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (MBPG).

VISI

Komitah Dalam Memperjuangkan Hak Serta Kepentingan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (MBPG).

OBJEKTIF

Berfungsi Sebagai Rakan Kongsi Kepada Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (MBPG) Di Dalam Usaha untuk Mewujudkan Tadbir Urus Yang Cemerlang, Gemilang Serta Terbilang Ke arah Peningkatan Kualiti Dan Produktiviti.

TUJUAN PENUBUHAN

- Memperoleh serta mengekalkan sukatan gaji yang adil dan sesuai, keselamatan bekerja, masa dan syarat-syarat bekerja yang berpatutan dan memberi nasihat serta bantuan mengenai perkara-perkara tersebut.
- Mengatur perhubungan antara pihak majikan dan pekerja.
- Mengadakan skim bantuan dan kebajikan untuk ahli.
- Menganjurkan kursus, seminar dan dialog.
- Meningkatkan kecekapan serta disiplin dikalangan ahli.
- Mengembangkan kesedaran kepada ahli tentang kesedaran bertugas yang mengatasi rintangan sosial.

HALA TUJU

- Melaksanakan Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Yang Berkualiti, Cekap Dan Berkesan.
- Merancang Serta Melaksana Program Pendidikan Dan Pembelajaran Secara Berterusan.
- Melaksanakan Usaha Bagi Menambah Bilangan Cawangan/Kawasan Serta Meningkatkan Bilangan Keahlian Kesatuan.
- Memperkasa Hubungan Rakan Kongsi Bijak.
- Menyelaraskan Serta Menyelenggara Kes Perkhidmatan Ahli Secara Lebih Berkesan.

- Meningkatkan Sumber Pembiayaan Kesatuan Termasuk Melaksanakan Perbelanjaan Secara Berhemah.
- Mengekal Serta Meningkatkan Produk Kebajikan Untuk Ahli.

PENGLIBATAN PEGAWAI/AHLI ANULAE DALAM KESATUAN GABUNGAN

- Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja Sains dan Teknologi dalam kumpulan Sokongan (MBK S&T).
- Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja Am dalam kumpulan Sokongan (MBK AM).
- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

AGENDA WAWASAN

- Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan di peringkat Negeri.
- Penubuhan forum perundingan Majlis Bersama Negeri (MBN).
- Penubuhan Majlis Bersama Jabatan-KPKT dengan ANULAE Semenanjung Malaysia.
- Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Penganjuran Konvensyen Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan.
- Mempertahan serta mengekalkan keunggulan ANULAE sebagai Kesatuan Sekerja yang diiktiraf bagi pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan.

GABUNGAN BERSAMA CUEPACS/FORUM PERUNDINGAN

ANULAE telah bergabung dengan **CUEPACS** bertujuan untuk bersama-sama menangani masalah dan isu perkhidmatan ahli-ahli Kesatuan khususnya dan kaum pekerja sektor awam amnya. Beberapa isu dan masalah ahli dan kaum pekerja sektor awam ini telah dibawa ke forum-forum perundingan seperti:-

- Majlis Bersama Kebangsaan (MBK).
- Majlis Bersama Jabatan (MBJ) (*3 bulan sekali*).
- Persidangan Perwakilan Tri- Tahunan.
- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja.
- Mesyuarat Jawatankuasa Agung (EXCO)) (*3 bulan sekali*).
- Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan (*3 bulan sekali*).
- Mesyuarat Perunding Perbandaran dan Majlis Daerah.

FAEDAH-FAEDAH ANULAE

ANULAE Semenanjung Malaysia (Ibu Pejabat)

Berikut adalah antara faedah-faedah yang disumbangkan oleh pihak ibu pejabat kepada ahli ANULAE:

1. Sumbangan Kematian

Pihak Ibu Pejabat menyalurkan sumbangan kematian kepada waris ahli dan isteri/suami ahli yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

a) KHAIRAT KEMATIAN

- i. Kurang dari 5 Tahun - RM 175.00
- ii. 05-10 Tahun - RM 245.00
- iii. 10-12 Tahun - RM 375.00
- iv. 12-14 Tahun - RM 450.00
- v. 14-16 Tahun - RM 500.00
- vi. 16-18 Tahun - RM 550.00
- vii. 18-20 Tahun - RM 600.00
- viii. 20-22 Tahun - RM 650.00
- ix. 22-24 Tahun - RM 700.00
- x. 24-26 Tahun - RM 750.00
- xi. 26-28 Tahun - RM 800.00
- xii. 28-30 Tahun - RM 850.00
- xiii. 30 Tahun ke atas - RM 1000.00

b) KEMATIAN ISTERI/SUAMI AHLI - RM 100.00

2. Persaraan

Ibu Pejabat ANULAE Semenanjung Malaysia juga menyumbangkan bagi faedah persaraan, dimana ahli perlu mengemukakan permohonan sebulan sebelum bersara, perkiraan sumbangan berdasarkan tempoh keahlian

a) SAGUHATI PERSARAAN (mengikut tempoh menjadi ahli)

- i. 03 -05 Tahun - RM 60.00

- ii. 05-10 Tahun - RM 85.00
- iii. 10-12 Tahun - RM 110.00
- iv. 12-14 Tahun - RM 135.00
- v. 14-16 Tahun - RM 160.00
- vi. 16-18 Tahun - RM 185.00
- vii. 18-20 Tahun - RM 210.00
- viii. 20-22 Tahun - RM 235.00
- ix. 22-24 Tahun - RM 260.00
- x. 24-26 Tahun - RM 310.00
- xi. 26-28 Tahun - RM 360.00
- xii. 28-30 Tahun - RM 410.00
- xiii. 30 Tahun ke atas - RM 460.00

3.Dermasiswa

Faedah ini akan diberikan oleh pihak Ibu Pejabat.

- a) SPM - Kecemerlangan Minima 6A diberikan sebanyak RM 200.00
- b) STPM - Kecemerlangan Minima 3P diberikan sebanyak RM 250.00

4. Pinjaman Penuntut

Skim ini diberi oleh pihak ibu pejabat kepada setiap anak ahli yang bersekolah untuk menampung sebahagian perbelanjaan harian. Skim ini hanya layak diberikan kepada ahli dimana keahliannya tidak kurang dari 3 tahun.

5. Pinjaman Pengajian Tinggi

Ibu Pejabat ANULAE Semenanjung Malaysia menyediakan pembiayaan bagi membantu anak-anak ahli yang memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

- a) Skim Diploma - RM 500.00
- b) Skim Ijazah - RM 1000.00

SUMBANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH

ANULAE CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (DI BAYAR OLEH ANULAE CAWANGAN)

Kelulusan Sumbangan Iberian kepada Ahli yang mengalami kemalangan, sakit kronik, masuk hospital, ahli yang bersara dan waris kepada ahli yang meninggal dunia. Sumbangan ini diberikan secara *One-Off* sahaja.

1. Sumbangan Persaraan Ahli – RM 200.00
2. Sumbangan Masuk Hospital (sekali dalam setahun) – RM 100.00
3. Sumbangan Khairat Kematian Ahli – RM 500.00
4. Sumbangan Khairat Kematian Pasangan / Ibu Bapa Sendiri/ Ibu Bapa Mertua – RM RM 100.00
5. Sumbangan Khairat Kematian Ahli yang telah bersara – RM RM 150.00
6. Sumbangan Tamat Pengajian (sekali dalam perkhidmatan) – RM 200.00
7. Saguhati Kemasukan Ahli Baru – RM 10.00

(Sebagaimana kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Anulae kali ke 3 bertarikh pada 29 Disember 2015).

LAGU ANULAE “BERSATU SETIA”



Bersatu Untuk Kesatuan
Bersatu Untuk Keadilan
Bersatu Untuk Kesetiaan
Anulae Dipertahankan

Walaupun Apa Akan Terjadi
Kita Tetap Bersatu Hati
Kekalkan Semangat Berbakti
Itulah Perjuangan Sejati

Ulang Rangkap Pertama

Bersatu Untuk Kesatuan
Bersatu Untuk Keadilan
Bersatu Untuk Kesetiaan
Anulae Dipertahankan